

05 JUN 1998

DR MAHATHIR KEMBALI DARI TOKYO

KUALA LUMPUR, 5 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kembali ke tanah air hari ini selepas mengadakan lawatan kerja ke Jepun selama lima hari.

Ketibaan Perdana Menteri di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang pada 4 petang disambut oleh isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Megat Junid Ayob.

Antara atur cara Dr Mahathir di Jepun ialah berbincang dengan Perdana Menteri Jepun Ryutaro Hashimoto dan menghadiri simposium sehari anjuran Institut Hal Ehwal Kewangan Antarabangsa dan membentangkan kertas kerja bertajuk "Pemulihan Ekonomi Jepun dan Asia Timur".

Dalam perjalanan pulang hari ini, beliau singgah sebentar di Kota Kinabalu.

-- BERNAMA

RAZ MAI